

Komunikasi Sosial dalam Kalangan Etnik di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak

AB SAMAD KECHOT
RAHIM AMAN &
SHAHIDI A.H.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Bangi
drasksam@gmail.com
tuntas@ukm.edu.my
cdzedic@gmail.com

ABSTRAK

Persembahan seni muzik sering dianggap sebagai medium hiburan semata-mata. Namun dalam penulisan ini, pengkaji cuba meneroka peranan lain persembahan seni muzik iaitu mengeratkan interaksi sosial antara ahli masyarakat. Dengan menjadikan program persembahan seni muzik Gendang Melayu Sarawak sebagai subjek kajian, penulisan ini mengguna pendekatan sekunder dan primer bagi mendapatkan data. Temu bual bebas dan berstruktur secara bersemuka dengan informan pakar menjadi alat penting bagi memperoleh maklumat. Kajian di lapangan memfokus kepada masyarakat Melayu Sarawak yang tinggal di sekitar Kuching, Kampung Simunjan dan persekitarannya serta sebahagian ahli masyarakat dalam kalangan etnik Iban, China dan Melanau. Memandangkan persembahan Gendang Melayu Sarawak merupakan aktiviti popular dalam beberapa acara persembahan kesenian di kalangan masyarakat Melayu Sarawak, maka dengan menjadikan aktiviti persembahan tersebut sebagai kajian kes, penulisan ini berusaha melihat sejauh mana persembahan Gendang Melayu Sarawak mampu mengeratkan interaksi antara ahli masyarakat yang terlibat. Dapatan awal memperlihatkan masyarakat Melayu di persekitaran sungai Sadong khususnya dalam kalangan generasi dewasa dan tua amat meminati persembahan gendang Melayu dan sering memenuhi setiap persembahan yang diadakan. Malahan mereka yang terlibat akan memberikan sumbangan tenaga, moral dan kewangan bagi menjayakan seni persembahan gendang Melayu Sarawak. Sekali gus komunikasi sebegini mewujudkan amalan kerjasama atau 'gotong-royong' dalam kalangan mereka. Begitu juga dalam kalangan etnik lain seperti Iban, China dan Melanau yang sedar akan kewujudan persembahan seni muzik Gendang Melayu Sarawak dan boleh menerimanya sebagai salah satu daripada produk seni budaya tradisi masyarakat di Sarawak.

Kata kunci: Muzik, Gendang Melayu Sarawak, hiburan, popular, kerjasama, interaksi sosial

Sarawak Malay Drums: Social Interaction Among the Ethnic of Basin Sadong.

ABSTRACT

Performing arts music is often regarded as a mere entertainment medium. But in this study, the researchers try to explore a different role this musical performances can offer, that is, to foster social relationships in the community. By making the performing arts program Sarawak Malay drum music as a subject of study, this study uses secondary and primary approach to obtain its data. Independent and structured face to face interviews with expert informants is an important tool to obtain information. The fieldwork site focuses on Sarawak Malay community living in and around Kuching, Simunjan village and its surroundings, including members of the society among the Iban, Chinese and Melanau. Acknowledging the fact that the Sarawak Malay drum performance is a popular art activity among the Malay community in Sarawak, thus making this performance as our case study, this study tries to see the extent the Malay drum performance of Sarawak is able to

strengthen relationship between members of the community. Preliminary findings show that the adults and older generation Malays along Sadong river, Kampung Simunjan are very interested with the Malay drum performances and often show up at the said event. Even those involved will contribute in the form of energy, moral and financial support to ensure the success of the Sarawak Malay Drums performance, creating a collaborative practice or 'gotong-royong'. Other ethnic groups such as Iban, Chinese and Melanau are aware of the existence of this music art 'Gendang Melayu Sarawak' and accepting it as one of the cultural traditions of the people in Sarawak.

Keywords: *music, Gendang Melayu Sarawak, entertainment, popular, collaborative, social relationships*

PENGENALAN

Persembahan seni muzik atau seni suara merupakan antara hasil ciptaan manusia bagi memenuhi salah satu tingkat teratas dalam keperluan hidup iaitu dalam konteks hiburan bagi kepuasan diri (Maslow, 1943). Manakala alat muzik pula adalah instrumen yang mengiringi seni persembahan muzik atau seni suara. Ia dicipta oleh bangsa manusia melalui perkembangan ketamadunan mereka. Menurut Ab Samad Kechot et. all (2016), alat muzik termasuk alat muzik tradisional Melayu merupakan alat teknologi dan kebudayaan yang wujud hasil daripada kebijaksanaan masyarakat mengadaptasi alam sekitar mereka dengan keperluan hidup. Masyarakat dahulu termasuk orang Melayu begitu rapat dengan flora dan fauna di persekitaran mereka. Alam sekeliling dijadikan 'rakan rapat' yang sering menjadi penyumbang sama ada dalam bentuk idea dan material. Malahan wujud seolah-olah hubungan timbal-balik antara masyarakat dahulu dengan alam sekitar. Seinggakan masyarakat dahulu mampu mengadaptasi persekitaran mereka dengan keperluan hidup. Oleh yang demikian, lahirlah Gendang Melayu Sarawak juga merupakan salah satu alat muzik tradisional orang Melayu Sarawak yang telah wujud sejak berzaman dan masih popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak sehingga ke hari ini.

Muzik secara amnya boleh menjadi alat dalam aspek interaksi antara ahli masyarakat dan mampu meletakkan sebahagian daripada elemen dalam kehidupan manusia. Kajian oleh Norshafawati Saari dan rakan-rakan melihat muzik sebagai pernyataan sosial yang sangat asas dalam kehidupan manusia dan bersifat anjal. Dikatakan melalui melodi dan lirik, muzik mampu menjadi utusan dan penghubung yang berkesan antara ahli masyarakat (Norshafawati: 2010: 47 – 65). Oleh yang demikian, bunyian dan melodi yang terhasil melalui persembahan seni muzik gendang Melayu Sarawak telah menjadi salah satu bentuk wacana komunikasi antara ahli masyarakat yang terlibat. Situasi ini memungkinkan hubungan sosial antara mereka menjadi lebih erat. Seterusnya membentuk interaksi sosial yang harmoni dalam kalangan ahli masyarakat.

Bergendang merupakan satu bentuk persembahan seni muzik tradisi masyarakat Melayu Sarawak. Ia menjadi aktiviti hiburan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak, khususnya apabila terdapatnya acara-acara keramaian tertentu atau sambutan rasmi yang memerlukan pengisian acara seni budaya. Persembahan seni Gendang Melayu Sarawak ini menjadi turun temurun daripada satu generasi ke satu generasi dan hari ini ia masih kekal dan mampu bertahan sebagai salah satu seni persembahan yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya serta mula diminati oleh masyarakat peribumi lain di Sarawak termasuk golongan muda. Oleh yang demikian, aktiviti bergendang ini telah menjadi sebahagian daripada acara utama dalam kalender pesta seni budaya di negeri Sarawak. Malahan yang menariknya acara bergendang secara langsung mengeratkan lagi

hubungan kekerabatan antara masyarakat Melayu Sarawak khususnya dan rakyat Sarawak amnya.

Sarawak kini mempunyai lebih daripada 2.6 juta penduduk (Jabatan Penerangan Malaysia, (2015) dan terdiri daripada 6 etnik besar yang utama iaitu Iban (31%), China (28%), Melayu (20%), Bidayuh (8%), Melanau (6%) dan Orang Ulu (5%) serta lain-lain kumpulan etniknya (2%). Kumpulan-kumpulan etnik utama pada asalnya tinggal secara amat segmental mengikut geografi namun kini kesan daripada mobiliti sosial dan penyerapan peranan ekonomi yang tidak mengikut batas kaum menjadikan pola sedemikian tidak lagi relevan. Dengan kepelbagaian penduduk yang bercakap dalam 45 bahasa dan dialek, pastinya terdapat pelbagai unsur budaya, amalan dan kepercayaan tradisi. Secara umumnya orang Melayu beragama Islam, Melanau pula sebahagiannya beragama Islam dan sebahagian lagi beragama Kristian, Liko dan Dayak (Iban dan bidayuh) kebanyakannya beragama Kristian dan masih ramai yang berpegang kepada kepercayaan animisme. Hal ini menggambarkan terasingnya sistem sosial dan amalan budaya di Sarawak, khususnya di awal kemerdekaan. Namun sekali lagi faktor pendidikan dan mobiliti sosial yang wujud selepas kemerdekaan menjadikan perpaduan wujud bukan sahaja di antara bahagian-bahagian yang berlainan bahkan di antara pelbagai kaumnya. Penubuhan Malaysia yang merangkumi Sarawak di dalamnya, menuntut rakyat Sarawak bersatu padu demi survival dan kelangsungan dalam arus pembangunan politik dan ekonomi yang semakin pesat dan lebih terarah. Sementara itu, ketika ini seni budaya atau lebih tepat lagi produk seni budaya juga dilihat mampu menjadi salah satu daripada medium penting bagi penyatuan rakyat Sarawak. Oleh yang demikian seni persembahan muzik gendang Melayu Sarawak yang merupakan antara kepelbagaian produk seni budaya tradisi tempatan, dilihat boleh berperanan sebagai alat penyatupaduan pelbagai kaum.

Istilah gendang merupakan beberapa alat muzik membrano terdiri daripada pelbagai bentuk tetapi kesemuanya melahirkan bunyi atau muzik apabila dipukul sama ada dengan tangan ataupun dengan kayu pemukul. Di antaranya adalah gendang kecil, gendang pertengahan, gendang besar, tabuh, tar dan kompong. Gendang adalah antara alat muzik tradisional Melayu yang menjadi warisan tidak ketara di Malaysia. Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003) orang Melayu telah mencipta pelbagai jenis permainan dan ritual termasuk alat-alat muzik seperti gendang bagi pelbagai tujuan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, yang dirujuk ialah rebana atau gendang yang diameter permukaannya sekitar setengah meter dan bentuk kayu badannya mengincup ke belakang dengan diameter lubang di belakangnya sekitar suku meter sebagaimana gambar rajah 1 dan 2 di bawah.



Rajah 1: Gendang Melayu Sarawak
Sumber: Kajian lapangan 2016



Rajah 2: Set Gendang Melayu Sarawak
Sumber: Kajian lapangan 2016

Gendang sebagai alat muzik wujud dalam semua budaya di Sarawak, dengan peranannya yang hampir sama dalam semua kaum, tetapi berbeza dalam bentuk rentak pukulannya. Dalam sejarahnya, gendang atau rebana menjadi alat muzik upacara menurun atau perubatan tradisional untuk kesemua kaum bumiputera. Selain itu gendang juga menjadi salah sebuah alat muzik di dalam pukulan muzik bagi acara pertahanan diri seperti pencak dan silat dalam masyarakat Melayu dan Melanau, atau alat perang dalam kaum Iban. Gendang dalam masyarakat Melayu Sarawak dalam penulisan ini adalah menjurus kepada rebana atau gendang dalam acara hiburan, terutama dalam masyarakat Melayu. Gendang dalam acara hiburan bermaksud permainan gendang atau majlis bergendang

untuk berhibur dan memeriahkan suasana sama ada kunjungan tetamu, pesta bersuka ria selepas penghasilan sesuatu produk seperti menuai, memeriahkan sesuatu perayaan atau majlis perkahwinan, upacara rasmi dihadiri oleh orang-orang penting (pembesar atau seumpamanya) serta kerana sesuatu kejayaan dan kemenangan. Dalam masyarakat Melayu permainan gendang sebagai acara berhibur telah melalui evolusi dan perubahan mengikut zaman dan keadaan serta diberi pelbagai nama daripada gendang Melayu lama atau gendang air sehinggalah majlis tandak, bermukun, nopeng atau gendang Melayu baru (Nurulakmal Abdul Wahid, 2014).

Bergendang membawa maksud kepada perlakuan memukul gendang dengan irama atau melodi tertentu. Dalam konteks seni persembahan gendang Melayu Sarawak, ianya merujuk kepada satu bentuk acara seni persembahan yang melibatkan permainan alat muzik utama iaitu gendang bersama instrumen violin dan akordion disamping diiringi dengan gerak tari dan berpantun yang berlaku serentak sewaktu persembahan ini dipersembahkan. Dahulu, persembahan ini menjadi tumpuan golongan muda khususnya untuk menonjolkan bakat dalam berpantun dan menari sambil mencari pasangan hidup. Acara persembahan bergendang ini menjadi tempat pertemuan antara pemuda dan pemudi dalam bentuk yang beradap dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan, khatam Quran (tamat membaca Quran), berkhatan dan majlis-majlis seumpamanya. Mereka saling berbalas pantun sambil mengusik antara satu sama lain dan ada di antara mereka yang bertemu jodoh selepas majlis persembahan berkaitan (temu bual Razali Hj. Yu, 2016).

Amalan hiburan melalui gendang ini dikatakan mampu mewujudkan perpaduan antara pelbagai kaum di Sarawak sekiranya ia boleh digarap menjadi medium sosial yang berkesan sebagai alat penyatuan kaum (Razali Hj. Yu, 2016). Misalnya didedahkan secara konsisten melalui saluran tertentu seperti media, pendidikan dan acara-acara sambutan kaum sehingga boleh menimbulkan minat dalam kalangan masyarakat. Jika ini berlaku maka tidak mustahil bahawa produk seni budaya etnik bukan sekadar berfungsi sebagai alat untuk keseronokan malah mempunyai mesejnya yang tersendiri. Oleh yang demikian, kajian ini cuba meneroka dan melihat bagaimana aktiviti bergendang mampu mengeratkan hubungan yang disatukan dengan permainan dan persembahan muzik sedemikian rupa iaitu bentuk persembahan gendang Melayu Sarawak, sehingga tidak mustahil untuk dijadikan produk seni budaya yang mampu menjadi mekanisme pemupukan jalinan masyarakat. Kehidupan pelbagai kaum dapat dipupuk dengan permainan atau aktiviti seni budaya sesuatu kaum sekiranya ditangani dengan kaedah dan cara yang betul.

Sejarah asal usul persembahan gendang Melayu Sarawak ini mempunyai beberapa versi yang berbeza. Dikatakan kedatangan Islam ke kepulauan Borneo menjadi salah satu sumber yang boleh menjelaskan bagaimana seni ini wujud di Sarawak. Ada pandangan yang menyatakan bahawa alat muzik dan gerak tari di bawa oleh pada pedagang dari Arab yang menjalankan aktiviti perdagangan di Nusantara termasuk kepulauan Borneo dan seni persembahan gendang Melayu Sarawak didakwa dibawa oleh para pedagang tersebut (Nurulakmal Abdul Wahid, 2014). Mengikut Razali Hj. Yu (2010) gendang Melayu Sarawak mula wujud sejak tahun 1925 semasa Sarawak diperintah oleh Rajah Ketiga iaitu Sir Charles Vyner Brooke. Wati Pini (2005) dalam tesis latihan ilmiahnya bertajuk *Nyanyian Pantun Dalam Gendang Melayu Sarawak* memetik petikan buku berjudul *'Himpunan Pantun Melayu Sarawak: Tema percintaan'* oleh Abang Seruji Abang Muhi dan Sarbanun Marikan (2004) menjelaskan bahawa majlis bergendang telah mula berkembang di Sarawak pada

abad ke 19 serta bermula di Astana pada zaman pemerintahan Brooke. Oleh yang demikian berkemungkinan seni muzik ini telah wujud lebih awal lagi bersesuaian dengan pandangan beberapa sarjana termasuk dari barat bahawa alat muzik gendang telah wujud sejak wujudnya sesuatu masyarakat (Razali Hj. Yu, 2010). Bersesuaian dengan itu, Rachel Robson (1995) dalam tesis sarjana falsafahnya bertajuk 'Gendang Melayu Sarawak – A Pantun Exchange of Sarawak Malay Community' memetik petikan Runciman dalam bukunya 'The White Rajahs';

the great Indo-Malay Kingdoms of Sri-Vijaya, Javaka and Majapahit all had some contact with the coastal communities of Borneo. Support for this idea comes from excavations by the Sarawak Museum, which have found early Indian relics such as a sixth or seventh century statue of Ganesh found at Limbang and a ninth century statue of Buddha found at Santubong on the mouth of Sarawak river. There is little evidence to suggest that this influence extended beyond the coastal regions. The fact that Borneo was on the fringe of these empire and, possibly even then, at the mercy of pirates would have prevented any extended and extensive influence. Nonetheless, it is possible that there was some settlement along the coastal fringes of the island by Malays during this period

Kenyataan ini menjelaskan bahawa orang Melayu Sarawak telah wujud sejak awal kurun ke 15, iaitu seiring berkembangnya agama Islam. Malah dalam buku yang bertajuk, Sarawak: *The Land And Its People*, menyatakan bahawa;

The largest number of Malay are found in South-West Sarawak especially an and along the lower parts of the river of first division

Sementara itu, menurut informan Awang Juhaihi Hj. Awang Umar dan Ambong Mohidin (2016), bahawa gendang Melayu Sarawak berasal dari Sambas, Indonesia yang dibawa masuk oleh pendakwah Islam, pedagang dan para pembesar istana ke Sarawak. Ini seiring dengan kemasukan beberapa aktiviti kesenian lain dari Sambas seperti hadrah, ratib zikir dan al-burdah.

Sehubungan itu, kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap bentuk-bentuk seni budaya yang terdapat dalam masyarakat Melayu Sarawak khususnya yang tinggal di sepanjang sungai Sadong dan persekitarannya. Bergendang merupakan salah satu produk seni budaya yang wujud dalam masyarakat Melayu berkaitan. Oleh yang demikian, objektif penulisan ini adalah untuk:

1. Meneroka seni persembahan Gendang Melayu Sarawak
2. Mengenal pasti fungsi sosial Gendang Melayu Sarawak dalam konteks interaksi sosial dalam masyarakat Sarawak
3. Menilai keberkesanan peranan sosial gendang Melayu Sarawak

KAJIAN LEPAS

Seni persembahan termasuk bergendang sering dianggap sebagai satu bentuk hiburan semata-mata. Padahal dalam mana-mana bentuk seni persembahan ada fungsi sosialnya seperti mengeratkan lagi interaksi antara ahli masyarakat yang boleh dilakukan melalui kerjasama dalam melaksanakan persembahan dengan memberi sokongan terhadap

persembahan berkaitan. Setiap seni persembahan juga mewujudkan komunikasi yang berlaku sama ada dalam kumpulan seni persembahan itu sendiri, mahupun dengan penonton atau masyarakat sekitarnya. Komunikasi yang wujud dalam mana-mana kumpulan merupakan asas penting membolehkan sesebuah kumpulan atau masyarakat berfungsi. Ia sekali gus mampu mewujudkan suasana harmoni dalam kumpulan atau organisasi masyarakat (Ab Samad, 2015). Menurut Razali Haji Yu (2010) di kampung-kampung khususnya dan sebahagian besar masyarakat Melayu di bandar Kuching, menggunakan seni persembahan bergendang sebagai elemen hiburan untuk dipersembahkan dalam majlis-majlis kemasyarakatan yang melibatkan adat dan keagamaan seperti majlis perkahwinan, berkhatan dan gotong-royong. Biasanya dalam majlis-majlis seperti ini semangat tolong-menolong dan kerjasama untuk menjayakan majlis akan terpancar dalam kalangan ahli masyarakat. Ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof Hussain (2011) berkaitan 'Interaksi kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia'. Interaksi dan sikap kejiranan yang baik mampu mengeratkan interaksi antara ahli masyarakat sekali gus melahirkan masyarakat yang sejahtera.

Dalam pada itu, isu perpaduan, interaksi kejiranan dan kerjasama antara masyarakat merupakan antara elemen penting bagi menjamin kesejahteraan kehidupan. Manakala perpaduan yang dicipta melalui hubungan baik antara ahli masyarakat boleh dilihat dalam pelbagai bentuk serta direalisasikan melalui pelbagai cara termasuk seni budaya. Beberapa kajian yang dilaksanakan sebelum ini yang melihat tentang pentingnya hubungan baik dan kerjasama antara masyarakat bagi menjamin kehidupan yang berkualiti. Walaupun kajian-kajian yang dilakukan berdasarkan unsur yang berbeza seperti elemen bahasa, kesihatan dan seumpamanya. Namun isu utama kajian ialah tentang pentingnya interaksi antara ahli masyarakat melalui pelbagai medium bagi menjamin pembangunan dan kemajuan sesuatu masyarakat. Antara kajian yang melihat isu perpaduan sebagai elemen penting dalam kesejahteraan masyarakat adalah sebagaimana kajian oleh Zulkefly Hamid (2013) yang mengkaji tentang penggunaan bahasa di Sekolah yang secara langsung mampu mengeratkan interaksi antara etnik dalam kalangan pelajar. Ternyata kesantunan berbahasa mempunyai implikasi sosial dalam perhubungan antara masyarakat sekali gus menjamin keharmonian bersosial dalam masyarakat pelajar. Seterusnya bagi Abdullah (2013) terdapat hubungan yang erat antara sosiologi dan seni. Beliau dalam kajiannya bertajuk 'Praktik filantropi sosial bagi pembangunan aktiviti seni dan budaya: Suatu Wacana' antara lain membincangkan mengenai peranan seni dalam masyarakat yang menurutnya mempunyai perkaitan dalam konteks pembangunan seni dan budaya (Abdullah Sumrahadi, 2013). Oleh yang demikian semua bentuk penciptaan seni termasuklah seni muzik sebagaimana seni persembahan muzik Gendang Melayu Sarawak mampu menjelaskan tentang gambaran kehidupan masyarakat, sekali gus menghasilkan ruang tafsiran sosial. Isu kesatuan interaksi sosial dalam masyarakat yang mempunyai perkaitan rapat dengan agenda perpaduan juga secara langsung mampu dicerakinkan melalui seni budaya.

METODOLOGI

Kajian di peringkat awal ini dijalankan di Kuching iaitu di Kampung Simunjan, Sadong Jaya, Kampung Jaie, Asa Jaya dan beberapa kampung persekitaran sungai Sadong. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah data sekunder dan data primer. Data sekunder diperolehi

di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Majlis Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak. Bahan-bahan yang dirujuk seperti brosur dan edaran agensi berkaitan, jurnal, tesis, kertas kerja, majalah dan rencana berkaitan. Kajian di lapangan melibatkan temu bual secara bersemuka dengan informan pakar seramai 10 orang yang terlibat secara langsung dengan seni persembahan bergendang bagi mendapatkan data berkaitan asal usul, fungsi dan peranan seni persembahan bergendang Melayu Sarawak. Soal selidik diedarkan kepada 50 orang bertujuan mendapatkan reaksi awal terhadap populariti dan pengetahuan responden berkaitan persembahan seni muzik Gendang Melayu Sarawak. Bagi mengukur sikap seseorang dengan lebih mudah, pengkaji menggunakan skala Likert 5 skala iaitu bermula dengan (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Analisis awal ini dibuat secara deskriptif kerana di peringkat permulaan kajian ini hanya ingin melihat tentang populariti Gendang Melayu Sarawak dalam kalangan informan yang dipilih.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan dimulai dengan data soal selidik dan diikuti dengan hasil temu bual. Maklumat yang diperolehi secara sekunder dijadikan sebagai bahan utama dan sokongan bagi mengukuhkan dapatan kajian.

Profil responden

Seramai 76% responden terdiri daripada lelaki dan 24% adalah perempuan. Sungguhpun Sarawak didiami oleh pelbagai etnik (melebihi 40 etnik) namun informan soal selidik hanya terdiri daripada etnik Melayu, Iban, China dan Melanau. Ini kerana ia merupakan antara 6 etnik utama di Sarawak dan mudah ditemui di lokasi kajian. Memandangkan kajian awal ini hanya menfokus kepada data populariti dan pengetahuan berkaitan gendang Melayu Sarawak, di samping melihat peranan interaksi sosialnya maka hanya seramai 50 orang informan dalam kalangan mereka yang berumur antara 19 – 49 tahun dipilih. Dalam pada itu pemilihan 50 orang informan bagi menjawab soal selidik juga bersifat bertujuan iaitu hanya memilih mereka yang meminati muzik khususnya muzik tradisional. Jadual 1 menunjukkan taburan informan mengikut umur.

Jadual 1. Taburan informan mengikut umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang daripada 19	16	32%
20 – 29	24	48%
30 – 39	09	18%
40 – 49	01	2%
Jumlah	50	100.0

Sumber: Ab Samad et.al. (2016)

Jadual 2 pula menunjukkan taburan etnik dalam kalangan informan yang memberi respon terhadap populariti dan pengetahuan mereka mengenai seni persembahan Gendang Melayu Sarawak. Majoriti informan adalah etnik Melayu seramai 25 orang (50%) yang memberi respon kepada soal selidik diedarkan. Manakala orang Iban seramai 15 orang (30%) China 05 orang (10 %) dan Melanau seramai 5 orang (10%). Bersesuaian dengan kawasan atau lokasi kajian yang lebih ramai dihuni oleh etnik Melayu, maka dapatan ini memperlihatkan taburan yang sepadan. Namun menariknya kesemua responden secara

umum mengetahui akan seni persembahan Gendang Melayu Sarawak sebagai salah satu daripada produk seni budaya negeri Sarawak. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3 menjelaskan bahawa seni persembahan Gendang Melayu Sarawak sememangnya agak popular dalam kalangan sebahagian etnik di Sarawak.

Jadual 2. Taburan informan mengikut etnik

Etnik	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	25	50%
Iban	15	30%
China	05	10%
Melanau	05	10%
Jumlah	50	100%

Sumber: *Ab Samad et. al.* (2016)

Data juga menunjukkan informan yang menjawab soal selidik mengenai pengetahuan tentang seni persembahan gendang Melayu Sarawak, boleh dirumuskan sebagai lebih ramai etnik Melayu yang lebih mengetahui mengenai seni persembahan muzik Gendang Melayu Sarawak berbanding etnik lain. Keadaan ini disebabkan seni muzik Gendang Melayu sememangnya merupakan produk seni budaya orang Melayu Sarawak, lebih-lebih lagi lokasi kajian adalah kawasan yang lebih ramai didiami oleh masyarakat Melayu. Namun terdapat juga etnik lain yang mengetahui mengenai wujudnya seni persembahan bergendang sebagaimana yang tergambar dalam Jadual 3 di bawah, ini menunjukkan bahawa seni persembahan berkaitan merupakan satu bentuk persembahan yang bersifat universal dalam kalangan sebahagian rakyat Sarawak. Menariknya ramai juga dalam kalangan generasi muda yang tahu berkaitan seni persembahan ini, apabila taburan umur menunjukkan bahawa terdapat ramai mereka yang berumur dalam lingkungan 19 – 29 tahun pernah mendengar dan menonton seni persembahan Gendang Melayu Sarawak sama ada melalui media elektronik seperti radio dan televisyen serta menonton secara langsung di majlis-majlis tertentu. Sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1 di atas seramai 40 orang informan adalah di bawah umur 29 tahun.

Pendapat informan tentang seni persembahan muzik Gendang Melayu Sarawak

Jadual 3 iaitu berkaitan taburan informan yang mengetahui mengenai seni persembahan Gendang Melayu di atas, jelas menunjukkan bahawa lebih daripada 85 % atau lebih tepat lagi 90% daripada informan tahu tentangnya. Sebagaimana yang dinyatakan dalam item 1 dan 2 jadual 3 iaitu informan pernah menonton dan mendengar persembahan bergendang. Oleh yang demikian, sebahagian besar informan yang mewakili kawasan kajian merupakan mereka yang mempunyai pengalaman dan mempunyai minat terhadap seni persembahan berkenaan.

Sementara itu menurut Sahmad Dawi dan Umar Tomik (2016) informan yang sekaligus juga adalah pemain gendang iaitu terlibat secara langsung dalam persembahan seni muzik bergendang menyatakan bahawa setiap kali membuat persembahan, mereka dapati adanya bangsa lain seperti China dan Iban yang menonton persembahan mereka. Anak-anak muda juga berminat sama menonton, lebih-lebih lagi jika dipentaskan di kawasan awam yang terbuka seperti di 'Water Front' berhampiran Sungai Sarawak, Kuching.

"Pak cik seronok tengok anak-anak muda sering datang dan bertandak sama bila pak cik dan kumpulan membuat persembahan" (Sahmad, 2016)

“Ada beberapa kali bila saya buat persembahan; terdapat orang Iban dan China yang akan jumpa saya lepas persembahan untuk bertanya tentang gendang.....” (Umar, 2016)

Fenomena ini menunjukkan bahawa bergendang dalam konteks komunikasi budaya sebagai *‘affect display’* dalam sesuatu komuniti yang melibatkan kepelbagaian etnik. Ia digunakan dalam budaya tertentu pada masa tertentu dalam sesuatu komunikasi. Bersesuaian dengan penulisan yang pernah dibuat tentang tingkahlaku ‘non-verbal’ yang dikatakan

Jadual 3. Pengetahuan informan (n=50) tentang seni persembahan muzik Gendang Melayu Sarawak

Item	Amat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Anda pernah mendengar seni muzik bergendang	80.0	10.0	06.0	04.0	0.0
Anda pernah menonton persembahan Gendang Melayu Sarawak	70.0	20.0	10.0	0.0	0.0
Bergendang adalah produk seni budaya orang Melayu Sarawak	60.0	10.0	20.0	10.0	0.0
Anda terhibur mendengar dan menonton persembahan seni muzik bergendang	68.0	10.0	10.0	10.0	02.0

melambangkan emosi seperti keriang, kesedihan dan sebagainya (Mohammad Md. Yusoff, 1985).

Pandangan informan tentang fungsi sosial seni persembahan bergendang

Jadual 4 di atas menjelaskan bahawa seni persembahan bergendang bukan sahaja berperanan menghibur para penonton namun secara langsung memperlihatkan wujudnya fungsi sosial yang berkaitan dengan hubungan mesra dalam kalangan ahli masyarakat. Sebagai contoh item 1 dalam jadual 4 di atas yang menyatakan persembahan bergendang memberi peluang penonton berkenalan antara satu sama lain, khususnya dalam kalangan muda mudi. 80% informan bersetuju dengan pernyataan tersebut. Keadaan ini boleh

membantu untuk mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat yang sudah tentu akan mengurangkan tekanan konflik antara ahli masyarakat apabila sudah saling mengenali. Isu ini penting kerana dengan kurangnya konflik maka masyarakat akan mudah bertolak ansur

Jadual 4. Pandangan informan (n=50) fungsi sosial seni persembahan Gendang Melayu

Item	Amat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Bergendang memberi peluang penonton berkenalan	70.0	10.0	05.0	10.0	05.0
Saya terhibur menonton persembahan bergendang	60.0	20.0	10.0	10.0	0.0
Saya nak belajar cara bergendang	50.0	10.0	20.0	10.0	10.0
Bila ada persembahan bergendang saya akan datang dengan rakan atau keluarga	80.0	10.0	0.0	10.0	0.0
Jika ada peluang saya akan menari/bertandak semasa persembahan bergendang	55.0	25.0	10.0	10.0	0.0
Orang kampung selalu membantu jika ada persembahan bergendang di kampung	40.0	20.0	20.0	10.0	10.0
Jika ada bayaran selalunya saya akan membayar untuk menonton persembahan bergendang	50.0	10.0	20.0	10.0	10.0

dalam banyak perkara dan sekali gus akan dapat mengelak daripada berlaku pertelingkahan antara mereka. Sikap memahami antara satu sama lain selepas mengenali antara ahli masyarakat mampu mengelakkan keadaan tegang yang sering mencetuskan pergaduhan.

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Ray ikechukwu Jacob dan Suhana Saad (2011) bertajuk *Ethnic conflict in Nigeria; Constitutional law and the dilemma of decision making*, yang antara lain melihat bahawa konflik sering berlaku dalam masyarakat yang bersifat majmuk seperti di Nigeria akibat daripada sikap masyarakat yang kurang bekerjasama dan tidak bertoleransi lebih-lebih lagi ditambah dengan isu-isu lain termasuk faktor kepimpinan yang menjadi pemangkin kepada konflik sehingga boleh mencetuskan pertumpahan darah antara etnik. Oleh yang demikian bagi mengelak situasi tidak sihat dalam negara yang mempunyai kepelbagaian etnik yang kompleks seperti Sarawak khususnya dan Malaysia amnya, maka produk seni budaya antara elemen penting yang boleh diaplikasi untuk dijadikan sebagai medium mengeratkan hubungan antara ahli masyarakat.

Jadual 4 di atas juga menunjukkan penonton berasa puas dan seronok menyaksikan persembahan seni muzik gendang Melayu Sarawak, sehinggakan ada dalam kalangan mereka yang mengambil peluang untuk turut serta dalam persembahan seperti menari atau bertandak mengikut rentak persembahan bergendang. Ini boleh dibuktikan melalui pernyataan dalam item 2 dan 5 dalam jadual 4 yang mana masing-masing mewakili lebih daripada 80.0 % informan yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelas sekali kepuasan penonton mampu memberi kesejahteraan emosi secara psikologi kepada mereka dan ini memberi kesan baik terhadap lahirnya individu dan komuniti sejahtera. Menurut Amran Hassan (2012) kesejahteraan individu secara psikologi termasuk dalam aspek mental dan fizikal boleh membina komuniti yang aman dari segi sosial, ekonomi dan kesejahteraan ekologi manusia. Komuniti yang sejahtera sudah pasti melahirkan satu bentuk masyarakat yang 'melekit' hubungan sosialnya sehingga sukar dipisahkan dalam konteks memahami budaya antara satu sama lain. Oleh yang demikian, Sarawak didapati amat berjaya memupuk integrasi dalam kalangan masyarakatnya walaupun mempunyai kepelbagaian budaya yang diwarisi daripada kemajmukan etniknya. Fenomena ini disokong oleh pandangan Razali Hj. Yu dan Chik Sulong (2016) iaitu informan yang ditemu bual secara bersemuka di lapangan;

"Saya pernah mengalami peristiwa yang mana penonton tidak mahu persembahan diberhentikan lebih awal sebaliknya terus bertandak mengikut rentak dan para pemain termasuk seh gendang sanggup meneruskan 'permainan' walaupun hari dah lewat pagi....mereka sangat seronok" (Chik Sulung, 2016)

"memanglah sering macam tu...kalau dah diaorang naik seh....kena pulak malam cuti...tapi kita selalunya minta izin 'tuan rumah'...kalau diizinkan dan semua setuju kita teruskan ajer persembahan...walaupun bayaran persembahan tak seberapa...yang tu bukan penting sangat...asalkan diaorang 'enjoy'...."

Sikap bertolak ansur antara 'tuan rumah', penonton (orang kampung) dan para pemain Gendang Melayu Sarawak melihatkan bahawa persembahan seni budaya mampu menjadi alat yang boleh 'melekitkan' interaksi antara ahli masyarakat dalam menghayati persembahan seni budaya. Fenomena ini boleh menjadi pemangkin kepada kejelikan interaksi antara ahli masyarakat dan seterusnya membantu kepada keharmonian hidup bermasyarakat.

KESIMPULAN

Bergendang atau Gendang Melayu Sarawak merupakan satu bentuk seni persembahan muzik tradisional yang popular dalam kalangan etnik Melayu Sarawak. Ia boleh dianggap

sebagai hasil seni yang asli kepunyaan orang Melayu Sarawak dan mula dikongsi bersama oleh etnik lain di Sarawak. Seni persembahan ini telah wujud sejak adanya orang Melayu di Sarawak, walaupun dikatakan mempunyai pengaruh dari timur tengah, apabila menjadikan alasan kehadiran para pedagang dan pendakwah Islam yang membawa masuk sekali elemen-elemen seni termasuk Gendang Melayu Sarawak, sama ada dari Sambas, Indonesia mahupun tanah besar Nusantara, namun bentuk persembahan telah disesuaikan dengan kehendak tempatan dan bercirikan masyarakat Melayu setempat Sarawak.

Berdasarkan kajian awal ini, didapati persembahan seni muzik Gendang Melayu Sarawak masih mempunyai peminatnya walaupun tidak sehebat pada tahun-tahun 50 dan 60an. Pada tahun-tahun tersebut bergendang memang begitu popular, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sehingga ada di antara mereka bertemu jodoh dalam majlis-majlis yang melibatkan seni persembahan berkaitan. Ini kerana dikatakan bergendang merupakan satu-satu tempat pertemuan sosial diwaktu itu dalam kalangan muda-mudi. Kini disebabkan banyaknya wujud hiburan alternatif yang lebih moden maka, pilihan untuk mencari hiburan itu lebih terbuka luas, sehinggakan memberi kesan kepada seni persembahan tradisional seperti bergendang. Namun kajian ini mendapati masih lagi terdapat mereka yang berminat dan menghargai persembahan bergendang walaupun tidak sehebat zaman kegemilangannya.

Kini, telah ada usaha-usaha untuk membangunkan seni persembahan ini bersesuaian dengan kehendak era moden bagi menarik lebih ramai masyarakat sedar akan kehadirannya. Agensi kerajaan di bawah kerajaan negeri dan persekutuan melalui jabatan-jabatan yang dipertanggungjawabkan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak, Jabatan Penerangan dan agensi-agensi berkaitan mula mempromosi dan melaksanakan pelbagai program untuk mendedahkan seni persembahan ini kepada orang ramai agar ianya kekal dan menjadi sebahagian daripada warisan negara. Usaha-usaha ini perlu mendapat sokongan semua pihak dan komitmen yang serius agar ianya tidak terbantut di tengah jalan. Adalah penting kesedaran ditanam, khususnya kepada generasi muda tentang pentingnya mengenali warisan sendiri yang bukan sahaja mempunyai peranan untuk berhibur, namun mempunyai fungsi sosial dalam masyarakat.

Aktiviti bergendang sebagai satu bentuk seni budaya, jika diteliti mengikut konsep asalnya memang mempunyai pelbagai fungsi dan peranan. Ia tidak semata-mata untuk tujuan hiburan namun mampu berperanan sebagai agen sosial yang boleh membantu membentuk masyarakat yang sejahtera lagi harmoni. Pembentukan masyarakat yang sejahtera dan harmoni melalui seni persembahan seperti Gendang Melayu Sarawak yang penuh dengan nilai-nilai murni sosial masyarakat Melayu serta bersifat sejagat akan mampu membentuk perpaduan dalam kalangan ahli masyarakat. Justeru itu, perlulah diberi perhatian serius oleh mana-mana pihak yang berkaitan, termasuk membentuk penyelarasan atau pengelolaan bersama dalam mengurus seni persembahan secara lebih profesional dan bersistematik sehingga seni itu sendiri boleh menjadi pemangkin kepada perpaduan rakyat sebagai isu utama dalam mana-mana negara yang mempunyai kepelbagaian etnik yang kompleks. Sarawak sendiri sebagai negeri di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian etnik dan kaya dengan aset seni budayanya sememangnya mempunyai kekuatannya tersendiri untuk menjadikan produk seni budaya sebagai medium untuk merapatkan hubungan antara ahli masyarakatnya. Oleh yang demikian, adalah wajar usaha yang berterusan dan konsisten oleh semua pihak sama ada di peringkat kampung, mukim, daerah, negeri dan nasional

untuk terus lebih proaktif dan kreatif dalam membangunkan elemen muzik tradisional termasuk peralatannya untuk dijadikan antara medium yang mampu berperanan mengeratkan hubungan antara kaum. Lebih-lebih lagi dalam konteks Malaysia yang masyarakatnya bersifat majmuk. Kerjasama antara kepimpinan iaitu mereka yang berautoriti dengan pengikut dalam kalangan masyarakat perlulah lebih efisien bagi menjadikan muzik tradisional sebagai wadah perpaduan dalam kalangan masyarakat dan muzik Gendang Melayu Sarawak boleh dijadikan antara contoh berkaitan peranan muzik sebagai wacana komunikasi dalam masyarakat sehingga mampu mewujudkan interaksi sosial antara ahlinya.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia atas dana penyelidikan FRGS/1/2015/WAB 04/UKM/02/1.

BIODATA

Ab Samad bin Kechot ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Kepakaran beliau ialah dalam disiplin sosiologi pengurusan dan pengurusan seni budaya.

[\(drasksam@gmail.com\)](mailto:drasksam@gmail.com)

Rahim Aman ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Kepakaran beliau ialah bidang linguistik bandingan sejarawi.

[\(tuntas@ukm.edu.my\)](mailto:tuntas@ukm.edu.my)

Shahidi A.H. ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah fonetik/fonologi Melayu dan dialektologi Melayu.

[\(cdzedic@gmail.com\)](mailto:cdzedic@gmail.com)

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot, Mohamed Anwar Omar Din, Azhar Abdul Latif, Huda Abdullah & Mohd Zaki Nuawi (2016) *Pelestarian Alat Muzik Tradisional Melayu Melalui Dokumentasi dan Pembangunan Teknologi: Kajian Terhadap Teknologi Rebab Malaysia*. Dlm. Nazri Muslim (Pynt). *Teknologi Di Alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ab Samad Kechot. (2015). Bentuk Komunikasi Dalam Menangani Peranan Kepimpinan Badan Bukan Kerajaan (Ngo) Perfileman. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31(2) : 423 - 439
- Amran Hassan, Fatimah Yusoooff, Khadijah Alavi (2012) Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan. *GEOGRAFIA Online. Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 5 (51 – 63).
- Abdullah Sumrahadi, Ratnawati Yuni Suryandari (2013) Praktik filantropi sosial bagi pembangunan aktiviti seni dan budaya: Suatu wacana. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 9 issue 3 (95-106).
- Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003) *Muzik Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP
- Muhammad Hamdan (2001) *Budaya Ekspresif Melayu Sarawak: Satu kajian mengenai Gendang Melayu di Kampung Semerah Padi Baru*. Tesis sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.

- Mohd. Yusof Hussain, Mohamad Shahrudin Samsurijan, Suraiya Ishak, Abd. Hair Awang. (2011) Hubungan Kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 7 issue 3 (36- 44).
- Maslow, A.H. (1943) A theory of human motivation. *Psychological Review* 50 (4)
- Mohamad Md. Yusoff. (1985). Komunikasi Tanpa Lisan – Satu Tinjauan Ringkas. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Vol. 1: 64 - 72
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010). Muzik Dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Hiburan Dalam Akhbar-Akhbar Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 26 (2): 47 – 65.
- Nurulakmal Abdul Wahid (2014) Perkembangan dan Perubahan Struktur Persembahan Tradisi Gendang Melayu Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu.*, Jld. 7. Bil. 2. (138 – 151)
- Peter Eaton (1974) Sarawak: *The Land And Its People. Kuching: Borneo Literature Bureau*
_____ Profil Negeri Sarawak. (2015) Jabatan Penerangan Malaysia
- Ray Ikechukwu Jacob, Suhana Saad (2011) Ethnic conflict in Nigeria, Constitutional law and the dilemma of decision making. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 7 issue 2 (28-36)
- Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2006) *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Razali Haji Yu (2010) *Kajian Budaya Bergendang di kalangan Orang Melayu Sarawak*. Kuching: Institut Perguruan Batu Lintang.
- Zulkefly Hamid, Naidatul Zamrizam Abu (2013) Memupuk perpaduan di Malaysia – Santun bahasa dalam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 9 issue 4 (86 – 96).